

Headline	TNB Perak jejak 2,254 keluarga belum daftar akaun elektrik		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	10 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	2,802	Readership	8,406
Section	Berita	Page No	62
ArticleSize	360 cm <sup>2</sup>	Journalist	Balqis Jazimah
PR Value	RM 24,753		



# TNB Perak jejak 2,254 keluarga belum daftar akaun elektrik



• Sembilan kaunter khas dibuka mudahkan pengguna nikmati rebat RM40

Oleh Balqis Jazimah Zahari  
[bhnews@NSTP.com.my](mailto:bhnews@NSTP.com.my)

• Ipoh

Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perak sedang menjakai 2,254 keluarga di negeri ini yang masih belum mendaftar akaun elektrik mereka bagi menikmati rebat RM40 yang diturunkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perlindungan negeri, Abdul Yunus Jamhari, berkata pihaknya meminta mereka yang layak tampil mendaftar akaun TNB bagi memudahkan mereka menerima rebat elektrik berkenaan.

"Pihak Pejabat Daerah dan Tanah setiap daerah dengan kerjasama TNB masih berusaha mengesan 2,254 keluarga lagi yang tidak

mempunyai akaun TNB yang diaftarkan atas nama mereka.

"Kebanyakannya dari daerah Perak Tengah iaitu 298 orang diikuti Larut, Matang dan Selama (259) serta Manjung seramai 221 keluarga," katanya pada sidang media di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar TNB Perak, Datuk Raja Abd Jalil Raja Zaid.

**Bil elektrik untuk semakan**  
 Abdul Yunus berkata, bagi penenerima yang disahkan layak menerima rebat RM40, mereka mempunyai pilihan melaksanakan penafdaratan dengan hadir ke mana-mana Pejabat TNB berhampiran dengan membawa kad pengenalan dan bil elektrik untuk semakan.

"Selain itu, mereka boleh menghubungi TNB untuk proses semakan

dan pendaftaran melalui Careline di talian 1300-88-5454," katanya.

Beliau berkata, seramai 4,494 perenerima ekasih di Perak dikenal pasti layak menerima rebat itu oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

"Daripada jumlah tersenarai ini, seramai 2,240 atau 49.8 peratus yang dikenal pasti sudah menikmati rebat RM40 bermula 1 Januari lalu," katanya.

Abdul Yunus berkata, antara punca mereka yang layak sukar dikesan TNB termasuk sudah merubah nombor telefon dan alamat rumah.

Katanya, setakat ini sembilan kaunter khas bagi mengesan mereka yang belum berdaftar juga dibuka dan pihaknya menyasarkan 24 kaunter dibuka di semua 12 daerah di negeri ini.



Kebanyakannya dari daerah Perak Tengah iaitu 298 orang diikuti Larut, Matang dan Selama (259) serta Manjung seramai 221 keluarga"

**Abdul Yunus Jamhari,**  
*Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perlindungan Perak*